

1982

KUALA LUMPUR, 16 APRIL (BERNAMA)--MCA DAN GERAKAN HARI INI DINGATKAN BAHAWA PERWAKILAN MEREKA DALAM KABINET AKAN DIKURANGKAN MENURUT KERUSI YANG MEREKA MENANGI, JIKA MEREKA HILANG KERUSI-KERUSI YANG DIPERUNTUKKAN KEPADA MASING-MASING PARTI.

INI ADALAH KERANA PERCAKARAN DIANTARA KEDUA-DUA PARTI KOMPONEN ITU.

KETIKA MENGELUARKAN AMARAN TERSEBUT, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, BELIAU TELAH MEMBERITAHU KESEMUA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL SUPAYA MEMECAT AHLI-AHLI YANG MENJALANKAN KEGIATAN MENENTANG CALON-CALON BN.

BELIAU TELAH MENJAWAB SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PARA PEMBERITA SELEPAS MELANCARKAN MANIFESTO BN DI IBU PEJABAT BN DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI BN BERKATA, SEKIRANYA SEBUAH PARTI DALAM BARISAN NASIONAL MENYOKONG SEORANG CALON LAIN YANG MENENTANG CALON BN DALAM SATU KAWASAN, PERKARA YANG SERUPA BOLEH BERLAKU DALAM KAWASAN-KAWASAN LAIN.

KETIKA DITANYA TENTANG SEJAUH MANA KERJASAMA DAN PERCAKARAN ANTARA GERAKAN DENGAN MCA ITU, BELIAU BERKATA KEADAAN ITU BERBEZA ANTARA SATU KAWASAN DENGAN KAWASAN YANG LAIN. --BERSAMBUNG

B567

MAHATHIR-AMARAN 2 KUALA LUMPUR 'R' 'R' 'R

KATANYA, +DI SETENGAH TEMPAT MEREKA BEKERJASAMA DENGAN BAIK, SEMENTARA DI KAWASAN-KAWASAN LAIN KERJASAMA ITU ADALAH BURUK, TETAPI ITU BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA KEPIMPINAN PARTI-PARTI DI KAWASAN-KAWASAN BERKENAAN.

+TETAPI SEKIRANYA KEDUA-DUA PARTI ITU MENSABOTAJ ANTARA SATU DENGAN LAINNYA DAN CALON-CALON MEREKA KALAH, SAYA TIDAK AKAN MENGGANTIKAN WAKIL-WAKIL MEREKA DALAM KERAJAAN+, TAMBAHNYA,

TEGASNYA, +PERWAKILAN MEREKA AKAN SEJAJAR DENGAN JUMLAH KERUSI YANG MEREKA MENANGI+.

BELIAU MENEKANKAN, +SEKIRANYA MEREKA KALAH, KAMU AKAN MENDAPATI SEBUAH KABINET YANG LAIN BENTUKNYA.

MENGENAI KEPUTUSAN PEMIMPIN MCA, DATUK LEE SAN CHOON BERTANDING DI SEREMBAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, ITU ADALAH KEPUTUSAN DATUK LEE SENDIRI. --BERSAMBUNG 1615/MD

B575

MAHATHIR-AMARAN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA +DIA BUKANNYA DIPAKSA. SEBENARNYA KITA BERFIKIR UNTUK MELETAKKANNYA BERTANDING DI TEMPAT YANG SELAMAT TETAPI DIA MEMASAKAN SEREMBANLAH TEMPAT YANG SELAMAT BAGINYA.+

TAMBAH BELIAU +ITU ADALAH PILIHANNYA SENDIRI UNTUK BERTANDING DI SEREMBAN DAN SAYA RASA DR. CHEN MAN HIN KINI SUDAH MULA MERASAKAN BAHAWA DAP TIDAK BEGITU SELAMAT LAGI DI SITU.+

MENJAWAB SATU SOALAN LAGI MENGENAI KEGIATAN CALON BN DI KEPONG YANG DISIFATKAN SEBAGAI TIDAK SELARAS DENGAN DASAR BN, DATUK SEPI DR. MAHATHIR BERKATA ITU MUNGKIN STRATEJINYA UNTUK MEMENANGI PILIHANRAYA.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA SEORANG ANGGOTA BN BOLEH MEMPENGARUHI PEMIKIRAN DAN DASAR KERAJAAN, BUKANNYA +MELAUNG-LAUNGAN+ DAN MENKRITIK DARI LUAR YANG TIDAK MENDATANGKAN FAEDAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG BARU SAJA PULANG DARI LAWATAN KE SABAH DAN SARAWAK MENGESAHKAN BAHAWA BELIAU TELAH MENERIMA SATU MEMORANDUM DARI USNO. --BERSAMBUNG 1620/MD

B576

MAHATHIR-AMARAN 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA BELIAU MASIH MENKAJI MEMORANDUM TERSEBUT DAN BERPENDAPAT BAHAWA ADALAH TIDAK WAJAR UNTUK MENGHURAIKAN ISI KANDUNGANNYA KERANA IA MERUPAKAN URUSAN ANTARA PARTI.

BILA DITANYA SAMA ADA CALON-CALON BEBAS YANG MENENTANG CALON-CALON BN AKAN DIBENARKAN MENYERTAI KERAJAAN, PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA TIDAK AKAN DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

MEREKA TERMASUKLAH BEKAS ANGGOTA PARTI BERJAYA YANG MELETAK JAWATAN DARI PARTI ITU UNTUK BERTANDING MENENTANG CALON-CALON BARISAN NASIONAL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIMANAPUN, MENJELASKAN BAHAWA KEDUDUKAN ENCIK MARK KODING BERLAINAN KERANA IA BERTANDING SEBAGAI CALON BARISAN NASIONAL. --BERNAMA 1630/MD